



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 14/2024

**MENERIMA PAKAI SURAT EDARAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) DI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA
PERAYAAN HARI DEEPAVALI BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT
AGAMA HINDU**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai pemakaian Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung Penambahbaikan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menganut Agama Hindu.
2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan Bilangan 9/2024 (Kali ke-81) pada 27 Oktober 2024 telah bersetuju untuk menerima pakai Surat Edaran JPA tersebut seperti berikut:

BIL.	SURAT EDARAN	PERKARA	TARIKH KUAT KUASA
1.	Surat Edaran JPA.(S).800-1/1/7 JLD.5(17), Penambahbaikan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menganut Agama Hindu.	Kerajaan telah bersetuju bahawa pegawai yang menganut agama Hindu boleh memilih untuk menggunakan Cuti Tanpa Rekod (CTR) selama satu (1) hari sama ada sehari sebelum atau pada hari kedua perayaan Deepavali mulai tahun 2024.	25 Oktober 2024

3. Peruntukan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang menganut agama Hindu sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali adalah bagi memberi lebih ruang kepada pegawai untuk menyambut perayaan tersebut bersama keluarga.
4. Kerjasama semua pihak dimohon untuk mengambil perhatian ke atas pekeling ini.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(**KHAIRUL ERWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K**)

Pendaftar

29 OKTOBER 2024

s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

PENAMBAHBAIKAN CUTI TANPA REKOD KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT AGAMA HINDU SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI 2024

PUTRAJAYA, 25 Oktober 2024 – Kerajaan telah bersetuju bahawa pegawai yang menganut agama Hindu boleh memilih untuk menggunakan Cuti Tanpa Rekod (CTR) sempena perayaan Hari Deepavali selama **satu (1) hari sama ada sehari sebelum atau pada hari kedua** Perayaan Deepavali mulai tahun ini.

Sebagaimana dimaklumi, penggunaan CTR ini tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing dan surat edaran ini pada keseluruhannya **dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.**

Hari Deepavali pada tahun ini jatuh pada hari Khamis, 31 Oktober 2024. Sehubungan itu Cuti Tanpa Rekod selama satu (1) hari kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang menganut agama Hindu dan berkhidmat di negeri-negeri yang Hari Deepavali merupakan cuti umum adalah pada **hari Rabu, 30 Oktober 2024 atau Jumaat, 1 November 2024.**

Justeru, Kerajaan mengucapkan Selamat Hari Deepavali dan semoga cuti tambahan ini dapat memberi lebih ruang kepada pegawai untuk menyambut perayaan tersebut bersama keluarga.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 25 Oktober 2024
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (81)



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-8872 7211
Faks : 603-8889 4479

Rujukan : JPA.(S)800-1/1/7 JLD.5(17)
Tarikh : 28 Oktober 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENAMBAHBAIKAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN
HARI DEEPAVALI BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG
MENGANUT AGAMA HINDU**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, mulai tahun 2018 melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian SR.5.3.6 Kerajaan telah memperuntukkan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali selama satu (1) hari iaitu pada hari berikutnya (hari kedua) kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang menganut agama Hindu sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali bagi memberi lebih ruang kepada pegawai untuk menyambut perayaan tersebut bersama keluarga.


3. Mulai tahun ini, Kerajaan telah bersetuju supaya **pegawai boleh memilih untuk menggunakan Cuti Tanpa Rekod ini sama ada sehari sebelum atau pada hari kedua Perayaan Deepavali.**

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR)